

Pertemuan atas permintaan Gus Dur — PM

UM - 8 NOV 2001

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pertemuannya dengan bekas Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid hari ini diadakan atas permintaan rakannya itu.

Perdana Menteri berkata, Abdurrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Dur telah beberapa kali meminta untuk mengadakan pertemuan dengan beliau.

“Beliau yang mahu un-

tuk berjumpa saya. Malah, sebelum ini beliau membuat permintaan yang serupa,” katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis makan tengah hari sempena Persidangan dan Pameran Majlis Petroleum ASEAN (Ascope) ke-7 di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Beliau diminta mengulas pertemuannya dengan Abdurrahman yang diadakan di pejabatnya di Putrajaya petang ini. Dr. Ma-

hathir berkata, beliau menerima permintaan Abdurrahman itu kerana bekas Presiden Indonesia itu adalah rakannya dan beliau tidak mempunyai masalah dengannya.

“Kita tidak bergaduh dengan sesiapa. Jadi, kenapa tidak saya berjumpa dengannya (Abdurrahman),” jelas beliau.

Perdana Menteri tidak menyatakan perkara yang dibincangkan dalam pertemuan itu.